



**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
BIL. 4/2019**

**KUASA PENTADBIR TANAH DAERAH BERKAITAN PERMOHONAN
PEMBERIMILIKAN TANAH KERAJAAN (TANAH RAMPASAN MELALUI NOTIS 8A)
DAN PERMOHONAN KEBENARAN PINDAH MILIK TANAH DI DALAM KAWASAN
PENEMPATAN BERKELOMPOK (GSA)**

1. Tujuan

- 1.1. Arahan ini adalah sebagai panduan kepada semua warga kerja pentadbiran tanah di seluruh Negeri Sembilan mengenai kuasa Pentadbir Tanah Daerah berkaitan permohonan pemberimilikan tanah kerajaan (tanah rampasan melalui Notis 8A) dan permohonan kebenaran pindah milik tanah di dalam kawasan penempatan berkelompok (GSA).

2. Latar Belakang

- 2.1. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan pada 16 Januari 2019 telah mengambil keputusan seperti berikut:
 - 2.1.1. Permohonan pemberimilikan tanah di bawah seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965 (tanah rampasan melalui Notis 8A) boleh dipohon oleh tuan tanah asal (pemilik berdaftar) atau waris yang berhak;
 - 2.1.2. Pentadbir Tanah Daerah boleh menolak ringkas mana-mana permohonan pemberimilikan tanah di bawah seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965 (tanah rampasan melalui Notis 8A) oleh bukan tuan tanah asal atau bukan waris yang berhak; dan

2.1.3. Pentadbir Tanah Daerah boleh menolak ringkas mana-mana permohonan kebenaran pindah milik tanah-tanah Kawasan Penempatan Berkelompok (GSA) kepada syarikat atau koperasi kerana jelas tidak mematuhi syarat-syarat di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960.

3. Pelaksanaan

3.1. Pentadbir Tanah Daerah **hendaklah menolak ringkas** permohonan-permohonan seperti berikut:

3.1.1. Permohonan pemberimilikan tanah di bawah seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965 (tanah rampasan melalui Notis 8A) oleh **bukan tuan tanah asal atau bukan waris yang berhak**; dan

3.1.2. Permohonan kebenaran pindah milik tanah-tanah Kawasan Penempatan Berkelompok (GSA) kepada **syarikat atau koperasi**.

4. Tarikh Kuatkuasa

4.1. Arahan ini berkuatkuasa serta merta dan hendaklah dipatuhi sepenuhnya.


(DATUK ZULKIFLI BIN BAHARAN)
Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tarikh : 27 Mac 2019
Rujukan : Bil (81) dlm. PTGNS.10/17 Jld.2